

## **MENELUSURI KONSEP KEIHSANAN DAN KEINSANAN DALAM NOVEL ‘DAN MALAM APABILA IA BERLALU’**

### **SEARCHING FOR DIVINITY AND HUMANITY CONCEPTS IN NOVEL ‘DAN MALAM APABILA IA BERLALU’**

**Arba’ie Sujud<sup>1</sup>**

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.  
(Email: arbaie@upm.edu.my)

**Morni Hussin<sup>2</sup>**

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.  
(Email: murnihussin@yahoo.com)

**Nadiatul Shakinah Abdul Rahman<sup>3</sup>**

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.  
(Email: shakinahrahman@gmail.com)

**Received date:** 22-06-2019

**Revised date:** 04-07-2019

**Accepted date:** 28-08-2019

**Published date:** 15-09-2019

**To cite this document:** Sujud, A., Hussin, M., & Abdul Rahman, N. S. (2019). Menelusuri Konsep Keihsanan dan Keinsanan dalam Novel ‘Dan Malam Apabila Ia Berlalu’. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(7), 38-57.

**DOI:** 10.35631/ijhpl.27004

---

**Abstrak:** Setiap karya yang dihasilkan mengandungi mesej dan pemikiran pengarang yang perlu difikir dan direnung oleh khalayak terutamanya karya yang dihasilkan oleh Sasterawan Negara. Sasterawan Negara memberikan sumbangan yang besar dalam penghasilan karya-karya mereka. Hal ini kerana karya Sasterawan Negara memiliki nilai yang tinggi, bahasa yang indah dan unik serta sukar untuk ditafsirkan kerana penggunaan bahasa yang mencabar minda manusia. Setiap karya yang dihasilkan adalah berdasarkan kepada pengalaman dan keadaan ini dapat mendekatkan diri khalayak dengan diri pengarang. Pengalaman tersebut diolah yang dicurahkan dalam karyanya yang mengandungi mesej-mesej tertentu untuk disampaikan kepada khalayak. Karya Sasterawan Negara terutamanya karya bercorak Islam mengetengahkan nilai-nilai Islam yang terkandung dalam karya tersebut. Konsep keihsanan dan keinsanan yang diperlihatkan dalam karya bertujuan untuk menyebarkan mesej dan mengajak khalayak untuk berfikir dan merenung serta memikirkan kembali perhubungan manusia dengan Tuhan (keihsanan) dan perhubungan manusia sesama manusia (keinsanan) sebagai pedoman penting di dalam memahami kehidupan yang hakiki. Oleh yang demikian, kajian ini akan meneliti konsep keihsanan dan keinsanan dengan menggunakan novel Abdullah Hussin iaitu Dan Malam Apabila Ia Berlalu sebagai data kajian. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis data kajian. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa konsep keihsanan dan keinsanan ialah institusi hati sebagai pusat dakwah, institusi masjid sebagai pusat dakwah, persamaan hak asasi manusia, keadilan dalam hubungan kemasyarakatan, nilai persaudaraan

dalam Islam, penyelesaian masalah serta adab dan kesopanan dalam Islam. Justeru, menerusi kajian ini dapat menyedarkan khalayak dan memperbaiki hubungan diri dengan Allah dan sesama manusia.

**Kata Kunci:** Pemikiran, Hubungan Tuhan dan Manusia, Keihsanan, Keinsanan

**Abstract:** *Each literary work produced contains the message and thoughts of the author that the audience should consider and ponder especially the literary work produced by the National Laureate. National Laureate made a huge contribution to the production of their literary works. This is because the work of the National Artist has high values, beautiful and unique languages and is difficult to interpret because of the use of language that challenges human mind. Each literary work produced is based on experience and this can bring the audience closer to the author. The experience is poured into his literary work which contains certain messages to convey to the audience. The literary work of the National Laureate, especially Islamic literary works, highlights the Islamic values that contained in tliteray work. The concept of divinity and humanity are presented in the literary work aims to spread the message and encourage the audience to think and reflect and to rethink human relationships with God (divinity) and human relationships with each other (humanity) as important guidelines in understanding true life. Therefore, this study will examine the concept of devinitu and humanity by using Abdullah Hussin novel Dan Malam Apabila Ia Berlalu as research data. This studieset.a uses the library method and data analysis. The findings of the study found that the concepts of divinity and humanity are the heart institution as a missionary center, the mosque institution as a missionary center, human rights equality, social justice, brotherhood in Islam, problem solving as well as ethics and decency in Islam. Therefore, through this study we can raise awareness and improve our relationship with God and our fellow man.*

**Keywords:** Thinking, Relationship of God and Human, Divinity, Humanity

---

## Pendahuluan

Sasterawan Negara banyak memberi sumbangan kepada proses pembentukan tamadun budaya bangsa (Chew, 2006). Aspek pemikiran Sasterawan Negara yang terdapat dalam genre novel sarat dengan mesej yang amat berguna dan bernilai. Novel Sasterawan Negara sebenarnya bersifat unik setiap satunya kerana novel ini dikatakan sebagai cerminan pengalaman kehidupan mereka sendiri yang diterjemahkan menggunakan teknik dan gaya penulisan yang baik dan menarik. Melalui pembacaan dan penghayatan terhadap novel Sasterawan Negara, seseorang itu akan menyedari keikhlasan, keterbukaan dan ketajaman pandangan Sasterawan Negara dalam menyampaikan mesej. Apa yang jelas, pengorbanan mereka menerusi medium sastera bertujuan untuk membangunkan minda dan pemikiran bangsanya untuk berubah kepada kehidupan yang lebih baik melalui pengajaran daripada pengalaman.

Dalam konteks Kesusasteraan Melayu, dua nilai utama yang dikaitkan dengan budaya Melayu adalah nilai tradisi dan nilai moden (Siti Aisah Murad, 1996). Nilai tradisi dikatakan perlakuan kebiasaan masyarakat Melayu yang secara umumnya banyak dipengaruhi oleh nilai Islam. Nilai moden pula dikatakan sebagai perubahan nilai yang berlaku termasuk pengaruh nilai dari Barat. Justeru, nilai Islam tidak terkecuali dalam perbincangan aspek pemikiran dalam sastera Melayu kerana tamadun Melayu dan Islam mempunyai pertalian yang rapat.

Menurut pandangan Ismail Faruqi (1982), konsep pemikiran menurut Islam berpaksikan kepada dua tongak utama, iaitu Islam sebagai agama pilihan Tuhan dan sifat Tuhan yang tunggal (*unity*). Apabila Tuhan memilih Islam sebagai agama yang benar, bermakna Islam itu mempunyai satu sistem kehidupan yang komprehensif untuk manusia. Maka berlaku penyerahan secara total manusia kepada kuasa Tuhan untuk urusan kehidupannya. Justeru, konsep keihsanan dan keinsanan dalam sastera Melayu penting dilihat sebagai medan dan mekanisme menyampaikan dakwah Islam.

### **Definisi dan Konsep Keihsanan**

Perkataan keihsanan berasal dari kata dasar Ihsan. Menurut *Kamus Dewan* (2005) ihsan diertikan sebagai kebaikan, perbuatan yang baik dan kemurahan hati. Terdapat beberapa tafsiran yang dapat dikaitkan dengan makna ihsan dari sudut istilahnya. Menurut Barowi (2016) kata ihsan berasal dari kata Arab yang bermaksud baik, manakala Ihsan dari segi istilah adalah berbuat baik kepada Allah SWT, manusia dan makhluk yang lain. Barowi (2016) juga mengambil makna ihsan dari sudut ibadah sebagai beribadah, menyembah, taat, tunduk, patuh, merendah diri dan hina.

### **Dekat dengan Tuhan**

Mamluatul Inayah (2015) menyebut makna Ihsan sebagai suasana hati dan perilaku seseorang untuk senantiasa merasa dekat dengan Tuhan sehingga tindakannya sesuai dengan aturan Allah. Perkataan ihsan menurut beliau juga merujuk kepada seluruh perilaku manusia yang mendatangkan manfaat dan menghindarkan kemudharatan juga merupakan perlakuan ihsan.

Pandangan yang lebih popular adalah pandangan yang merujuk ihsan daripada hadis Nabi Muhammad SAW melalui Bukhari dan Muslim dengan sabda Baginda "... *Kamu menyembah Allah seakan-akan kamu melihat-Nya, jika engkau tidak melihat-Nya maka sesungguhnya Dia melihat mu...*" (Barowi (2016); Mohammed Ralf Kroessin (2008); Izzaty Ulya Munirah et, al. (2015); Mamluatul Inayah (2015). Dalam hal ini, Mohammed Ralf Kroessin (2008) meletakkan Ihsan itu sebagai satu daripada tingkatan dalam doktrin kepercayaan agama Islam (selepas rukun Islam dan rukun Iman) dan kita senantiasa berusaha mencapai kesempurnaan (*perfection*) dalam beribadah kepada-Nya dengan merasakan kehadiran Allah SWT setiap masa.

### **Perhambaan Diri**

Keihsanan atau ketuhanan dalam istilah umum, meletakkan manusia dalam suatu doktrin kepercayaan. Justeru, perbincangan tentang keihsanan sebahagian besarnya merangkumi aspek ritual dan perhambaan diri kepada Tuhan. Menurut ajaran Islam, segala aktiviti dan rutin kehidupan manusia dianggap sebagai ibadah apabila meletakkan tujuan amalan yang berlandaskan syariat semata-mata kerana Allah SWT.

Konsep keihsanan penting dalam pembentukan sikap dan pandangan hidup manusia. Semua ibadah termasuklah solat, adalah menghambakan diri, bahkan setiap laku perbuatan dalam kehidupan seharian dalam bidang sosio-budaya (sosial, ekonomi, politik, ilmu teknik, seni, pendidikan) adalah menghambakan diri kepada-Nya dan jika dilakukan perbuatan itu bermotifkan penyerahan diri kepada Allah SWT dengan mentaati suruhan-Nya dan menghentikan larangan-Nya pasti diredhai-Nya. Menghambakan diri kepada Allah SWT adalah konsep keihsanan yang utama. Namun, Sidi Gazalba (1984) meletakkan Ihsan sebagai martabat pertama yang perlu dilengkapi oleh umat Islam untuk meningkat kepada martabat ikhlas dan seterusnya takwa yang tertinggi.

### ***Kecintaan Allah SWT***

Kecintaan Allah SWT kepada hamba-Nya menjadikan-Nya dicintai oleh hamba-Nya dan hidupan yang ada di langit dan di bumi. Dalam konteks ini, untuk mendapat cinta atau ihsan Allah SWT itu. Menurut Muhammad Ali (1999), perlunya seorang hamba itu memenuhi ciri-ciri seorang hamba iaitu:

**I. *Senantiasa mentaati perintah Tuhan-Nya.***

Orang Muslim selalu berjalan sesuai dengan petunjuk-Nya. Dasar iman menjadi dasar orang Islam dan oleh itu terlepas dari penyimpangan diri dari petunjuk-Nya.

**II. *Bertanggungjawab pada kepemimpinan.***

Setiap orang Muslim adalah pemimpin dan harus bertanggungjawab terhadap kepemimpinan sekurang-kurangnya dalam institusi kekeluargaan.

**III. *Menerima dengan ikhlas ketetapan dan takdir Allah SWT***

Orang Muslim berkeyakinan dalam hatinya bahawa beriman kepada qadak dan qadar merupakan satu daripada Rukun Iman dan tidak akan menyalahkan Tuhan atas musibah yang menimpanya.

**IV. *Senantiasa bertaubat***

Orang Muslim akan segera bertaubat sekiranya melakukan suatu kesalahan yang tidak layak dilakukan oleh seorang Muslim yang taat dan jujur.

**V. *Kehendaknya hanya bertujuan untuk mencari keredaan-Nya***

Dalam beramal, orang Muslim beriltizam mendapat keredaan Allah SWT walaupun dalam keadaan tertentu itu akan mengundang kemurkaan manusia.

**VI. *Sentiasa menjalankan kewajipan agama, rukun dan ibadat sunat***

Orang muslim akan sentiasa menjaga solatnya kerana ini menjadi penghubung manusia dengan Rabb-Nya. Dalam mencapai martabat takwa, orang muslim sentiasa mengerjakan amalan sunat kerana ibadat sunat dapat mendekatkan hamba kepada Rabb-Nya.

**VII. *Mengamalkan makna Ubudiyah terhadap Allah***

Ibadah kepada Allah SWT dilakukan melalui perlakuan manusia yang bersifat positif dan dinamik untuk membangunkan alam, merealisasikan kalimat-Nya di muka bumi dan mengaplikasikan manhaj-Nya dalam kehidupan ini.

### ***Hubungan Manusia dengan Tuhan***

Dalam sastera, konsep keihsanan ini dikesan melalui perilaku watak-watak yang digambarkan melalui hubungan manusia dengan Tuhan. Ciri-ciri positif diketengahkan seperti ikhlas, jujur, sopan, menghormati jiran dan sebagainya. Berlawanan dengan positif, ciri-ciri negatif diibaratkan sebagai sifat kemungkaran yang ditunjukkan dalam watak seperti kesyirikan, kufur nikmat, maksiat dan ingkar kepada perintah Allah SWT.

### **Definisi dan Konsep Keinsanan**

Konsep keinsanan didasarkan kepada perkataan insan yang berasal dari bahasa Arab yang merujuk kepada manusia.

### ***Kesempurnaan Manusia***

Kata insan digunakan bagi menunjukkan kesempurnaan penciptaan manusia dari sudut perspektif Islam, lengkap dari aspek fizikal dan rohnya. Kesempurnaan kejadian manusia ini telah dinyatakan oleh Allah SWT dalam Al-Quran, surah al-Tin ayat 4 yang terjemahannya:

*“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya”.*

Oleh itu, sangat penting kepada manusia untuk menjaga sifat fitrah kesempurnaan kejadianya. Al-Quran sebagai sumber hukum Islam memberi penghormatan yang tinggi kepada manusia dan ini menjadi bukti kesempurnaan kewujudan manusia (al-ihsan) itu (Hilman Latief et, al., 2015).

### ***Hubungan Manusia dengan Manusia dan Alam***

Dalam konteks kesempurnaan manusia adalah menjadi tuntutan fitrah manusia melakukan perkara yang dituntut oleh Tuhan dan menghindari larangan-Nya. Menurut Nurhidayah Marzuki@Yahaya (2015), insan yang unggul adalah insan yang mampu membangunkan diri dari aspek ilmu, memiliki keperibadian yang dipuji serta dapat memelihara hubungan dengan Pencipta, menjaga hubungan sesama manusia dan menghormati serta menghargai hubungan dengan makhluk yang lain.

Konsep keinsanan menurut Sidek Baba (2012), yang menyatakan bahawa ‘*Insan adalah hubungan yang dicipta terhadap yang lain*’. Justeru, konsep keinsanan membincangkan bagaimana insan yang baik itu dapat memberikan manfaat kepada manusia lain dan alam persekitaran. Dalam Al-Quran, surah AnNissa’ ayat 36, Allah berfirman:

*‘Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan jiran tetangga yang dekat dan jiran tetangga yang jauh dan rakan sejawat dan orang musafir yang terlantar dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong, takbur dan membanggabanggakan diri’.*

### ***Keinsanan dalam Organisasi***

Aspek keinsanan merupakan perbincangan yang dominan dalam disiplin pengurusan organisasi dan pendidikan dalam konteks masa kini. Noor Shakira Mat Akhir et, al. (2014) merujuk perbincangan keinsanan merupakan intipati kepada peranan manusia sebagai makhluk Allah. Manusia merupakan sumber terpenting dalam sistem organisasi pengurusan yang dikenali sebagai modal insan.

Menyentuh aspek yang hampir sama, Nurhidayah Marzuki@Yahaya (2015), mengaitkan etika kerja Islam dalam pengurusan insan yang mana penekanan aspek etika Islam menurut beliau merujuk kepada akhlak yang penting dalam mendorong individu itu melakukan sesuatu perbuatan sama ada baik ataupun buruk. Bagi Muhammad Fuad Abdullah (2004) menegaskan kepentingan pembangunan insan professional seperti seorang jurutera dalam Islam, perlu melalui intipati atasas Islam iaitu al-Qudwah dan al- Amanah. Beliau memetik dua asas ini daripada Al-Quran (Ayat 26 Surah 28) yang ringkasnya, al-Qudwah adalah sifat kekuatan (*strength*) manakala al-Amanah adalah kebolehpercayaan (*trustworthiness*).

Namun, dalam gerak kerja manusia, ihsan dan insan tidak terpisah dari segi konseptualnya malahan mempunyai perkaitan yang rapat. Ini dilihat apabila ihsan dalam konteks pembangunan modal insan ditakrifkan Muhammad Fuad Abdullah (2004) sebagai ‘*good*

*practice*' untuk mencapai kesempurnaan (*perfection*). Menurut Zaman (2013), *ihsan, means ‘beautiful and good, to do something well, to do something perfectly, to gain and virtuous qualities*. Dalam hal yang demikian, ihsan dengan insan dilihat menerapkan elemen keihsanan untuk mencapai ‘*good practice*’ dan ‘*perfection*’ dalam melaksanakan tanggung jawab.

Ab. Aziz Yusof (2007) pula, menyatakan bahawa konsep keinsanan adalah penting dalam membuat keputusan. Setiap keputusan yang diambil dapat diterima dengan baik kerana semua pihak yakin tidak ada mangsa yang akan teraniaya dengan sengaja akibat daripada keputusan yang diambil itu.

Justeru, konsep keinsanan amat penting dari perspektif pembangunan sumber manusia. Namun, pembangunan berkaitan modal insan ini bukan sahaja penting untuk pembangunan ekonomi atau material sesbuah negara malah juga penting dalam memastikan kelestarian jati diri seseorang individu (Noor Shakira Mat Akhir et, al. (2014). Pembangunan modal insan memerlukan satu kaedah yang menekankan aspek kerohanian sebagai asas yang kukuh kerana aspek kerohanian dilihat sebagai hakikat diri insan yang menentukan tindakan lahiriahnya.

### **Konsep Keihsanan dan Keinsanan dalam Novel ‘*Dan Malam Apabila Ia Berlalu*’**

Konsep keihsanan dan keinsanan dalam novel dapat ‘*Dan Malam Apabila Ia Berlalu*’ dapat diulas melalui konteks institusi-institusi yang membentuk hakikat diri insan itu, antaranya adalah hati, peranan masjid, persamaan hak asasi manusia, nilai persaudaraan dalam Islam, keadilan dalam hubungan masyarakat, penyelesaian masalah dan adab serta kesopanan dalam Islam.

### **Institusi Hati Sebagai Pusat Dakwah**

Hati merupakan sumber roh jiwa atau nyawa yang menyempurnakan hakikat keinsanan. Antara ciri hati sebagai pusat dakwah yang dibincangkan ialah sifat ikhlas, amanah, berani dan berhikmah.

#### ***Hati yang Ikhlas***

Ikhlas bermaksud pembersihan dan penyucian niat daripada sebarang kekotoran yang menodai keikhlasan untuk menghampirkan diri kepada Allah. Sifat ikhlas dikaitkan dengan melakukan sesuatu perkara atau pekerjaan tanpa mengharapkan balasan atau ganjaran. Dalam hal ini, sifat ikhlas menandakan individu tersebut mengharapkan keredaan Allah dalam setiap pekerjaan yang dilakukan. Menurut Rosni Wazir dan Ishak Sulaiman (2017) niat dan keikhlasan adalah perkara yang penting dalam amalan umat Islam. Ikhlas berkait rapat dengan soal hati. Oleh itu, hati memainkan peranan yang signifikan dalam amal ibadat seseorang. Hal ini kerana ikhlas bermaksud mengesakan Allah, *taqarrub* pada-Nya, perbuatan yang bersih dan suci. Malah, ikhlas juga adalah rahsia antara manusia dengan Allah. Sehubungan itu, sifat ikhlas ini terlukis pada watak Siti Nur Aisyah yang ditugaskan untuk menyelenggarakan Yayasan Ahmad Burtons menjelaskan keperluan sifat ikhlas.

“Fikirannya mengelana seketika, betapa agaknya perubahan yang akan terjadi kepada senario kehidupan umat Islam jika banyak hartawan Islam tradisi yang berwawasan seperti James Burtons yang belum begitu lama menganut Islam. Namun demikian, fikirnya lagi, semuanya tidak akan berjaya jika orang yang diberi tanggungjawab tidak jujur dan **ikhlas** seperti ibu ini, apatah lagi yang berhubungan dengan kewangan yang banyak membuat orang lebih mudah gelap mata.”

Penelitian terhadap petikan teks ini telah membuktikan bahawa watak Siti Nur Aisyah menyedari bahawa dalam menguruskan sesbuah organisasi terutamanya yang melibatkan dana kewangan memerlukan seseorang itu untuk memiliki sihat ikhlas dan jujur. Hal ini bermaksud perlunya sifat ikhlas dalam diri manusia apabila membuat sesuatu pekerjaan terutamanya pekerjaan seperti menguruskan sebuah yayasan yang melibatkan pengurusan wang ringgit. Hal ini kerana apabila manusia tidak ikhlas dalam membuat sesuatu pekerjaan akan menyebabkan manusia menjadi tamak dan tidak jujur. Dalam hal ini, Mohd Hasrul Shuhairi dan Mohd Fauzi Hamat (2015) menegaskan bahawa ikhlas adalah niat dalam segala tingkah laku yang bersih dan melakukan sesuatu perbuatan dan pekerjaan semata-mata kerana Allah. Hal ini bermakna jika seseorang individu melakukan sesuatu pekerjaan kerana Allah, maka dirinya memiliki sifat ikhlas.

### ***Berhikmah dalam Berdakwah***

Abdullah Hussain melihat bahawa dalam usaha menyebarkan kesucian Islam, dakwah perlu berlangsung secara hikmah. Hal ini kerana hikmah adalah kebijaksanaan pendakwah dalam menyusun kata-kata yang benar dan menyakinkan disertai dalili-dalil dan keterangan yang jelas. Dakwah hendaklah dilakukan dengan penuh kebijaksanaan sehingga boleh diterima dengan yakin. Dakwah perlu disampaikan secara berhikmah melalui nasihat yang baik dan berdialog dengan cara yang terbaik. Penyampaian nasihat melalui cara yang berhikmah ini juga dapat melembutkan hati pendengar dan menerima secara baik (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, 2017). Keadaan ini dapat diperhalusi menerusi watak Haji Syahidan yang dapat diperlihatkan melalui kaedah dialog dalam memperjelaskan kesucian agama Islam. Ini dapat dilihat dalam petikan di bawah:

**“Tuan-tuan dan puan-puan para Jemaah yang dimuliakan. Pada hari ini seperti yang kita semua sudah maklum, jawatankuasa masjid telah menyambut cabaran kumpulan Nihilisme yang telah beberapa kali menyerang kita melalui laman web masjid, internet dan e-mel untuk berdialog. Majlis akan diadakan pada pukul 3.00 petang ini. Oleh itu, sebelum majlis diadakan kami dengan segala hormatnya mempersilakan tuan-tuan dan puan-puan mengambil makanan dan minuman di dewan rekreasi. Kami akan sangat berterima kasih jika tuan-tuan dan puan-puan dapat beratur supaya tiap-tiap orang mendapat bahagian masing-masing. Terima kasih”.** (DMAIB: 102)

Petikan tersebut secara jelas memerihalkan mengenai berhikmah dalam bedakwah. Keadaan ini dapat dibuktikan ketika berlangungnya dialog mengenai kumpulan Nihilisme. Walaupun, kumpulan Nihilisme berterus-terusan menyerang agama Islam, namun jawatankuasa masjid tidak melenting dan menyambut baik cabaran kumpulan Nihilisme untuk berdialog. Hal ini membuktikan bahawa pihak jawatankuasa masjid dan Haji Syahidan sedaya upaya untuk menyampaikan dakwah secara berhikmah terutamnya kepada kumpulan Nihilisme. Hal ini kerana kumpulan tersebut amat menentang agama Islam. Keadaan ini merupakan jalan terbaik untuk memperlihatkan kesucian agama Islam. Dakwah secara berhikmah terhadap kumpulan tersebut adalah penting kerana dapat melembutkan hati mereka dan menasihati mereka ke arah kebaikan dan kebenaran.

Dalam hal ini, Nadia Ishak dan Kamariah Kamaruddin (2019) juga berpendapat bahawa dakwah yang berkesan ialah dakwah yang mencapai matlamatnya iaitu apabila *mad'u* menerima dakwah yang disampaikan dengan penuh ketakwaan dan keinsafan terhadap mesej dakwah yang disampaikan. Dakwah tidak akan mencapai kesempurnaan jika disampaikan dengan menggunakan kekerasan dan juga pendekaan dakwah itu sendiri tidak disampaikan dengan cara dakwah Islam yang penuh hikmah. Keadaan ini amat jelas membuktikan bahawa dakwah perlulah disampaikan secara berhikmah.

Selain itu, dalam dakwah tersebut turut diselitkan secara berhikmah dengan berterima kasih kerana para hadirin dan dalam masa yang sama turut berpesan dan menasihati para hadirin agar tidak berebut ketika mendapatkan makanan di majlis tersebut. Hal ini jelas memperlihatkan manusia perlu memiliki sifat hikmah dalam berdakwah. Menurut Mohd Adib Mohamad Salih (2015) dakwah dengan kelembutan secara berhikmah dapat membantu usaha dakwah dalam mencapai tujuan. Islam juga menyeru umat Islam untuk berdakwah kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran dengan cara berhikmah dan bijaksana.

### **Institusi Masjid Sebagai Pusat Dakwah**

Pengarang telah mengemukakan idealismenya bahawa institusi masjid tidak hanya terhad kepada pusat ibadat semata-mata. Hal ini kerana masjid juga berperanan sebagai pusat pembelajaran agama, kegiatan sosial dan ekonomi. Dalam hal ini, Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid dan Norajila Che Man (2016) menjelaskan bahawa masyarakat pada umumnya hanya melihat masjid sebagai tempat ibadat khusus dalam kehidupan muslim sedangkan masjid berperanan dalam membangunkan ummah. Masjid bukan sekadar lambang dan syiar dalam kehidupan masyarakat Islam malahan ada perkara yang lebih penting iaitu masjid adalah nadi dan pusat kegiatan aktiviti umat Islam. Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid dan Norajila Che Man (2016) juga turut mengemukakan beberapa cadangan mengenai peranan masjid dapat dilihat sebagai pusat keilmuan dan kegiatan keislaman, pusat kebajikan dan kaunseling, pusat teknologi maklumat (ICT), pusat kegiatan wanita, remaja dan kanak-kanak, nadi ekonomi dalam masyarakat setempat, pusat penginapan pelancong Islam dan mesra orang kurang upaya (OKU). Oleh yang demikian, menerusi novel ini, Abdullah Hussain telah mewujudkan ‘Masjid Golden Triangle’ untuk merealisasikan idealismenya yang diterapkan dalam novel. Perhatikan petikan contoh teks yang berikut:

“...masjid Golden Triangle... khabarnya masjid paling moden dan lengkap dengan **IT, ada laman web dan sebagainya**”. (DMAIB: 92)

Menerusi petikan teks tersebut dapat diperjelaskan bahawa masjid perlu dilengkapi dengan pusat teknologi maklumat, laman web dan lain-lain. Masjid juga perlu menyediakan perpustakaan mini yang dipenuhi dengan buku daripada pelbagai disiplin kerana masjid juga berperanan sebagai pusat ilmu. Model yang diberikan oleh pengarang terhadap Masjid Golden Triangle adalah sama seperti di Cordova dan masjid di al-Azhar yang juga berperanan sebagai pusat pengajian tinggi. Asmak Haji Ali Cik Hashim Mat Said (2008) menjelaskan bahawa segala aktiviti seharusnya bermula dari masjid dan masjid berperanan sebagaimana *one stop centre* agar masjid mudah dikunjungi dan mesra pengunjung. Masjid juga dijadikan sebagai tempat penyebaran ilmu kerana masyarakat dapat membudayakan ilmu, menghormati ulama dan sarjana. Masjid bukan sahaja berfungsi sebagai pusat ibadat tetapi, berfungsi sebagai pusat ilmu dan dakwah, pusat kegiatan sosial dan pusat pemerintahan dan politik. Hal ini sekaligus dapat membuktikan bahawa masjid memiliki pelbagai peranan dan fungsi (*multifunction*).

## **Persamaan Hak Asasi Manusia**

Islam tidak membataskan kedudukan seseorang mengikut jantina, atau keturunan dan bangsa tetapi berdasarkan persamaan hak tanpa mengira agama dan bangsa. Hak asasi manusia ialah hak dan kebebasan yang ada pada diri manusia. Konsep hak asasi manusia menurut Islam adalah berdasarkan sifat manusia dan tujuan penciptaanya yang berpandukan al-Quran (Mohd Hisham Mohd Kamal, 2017). Meskipun setiap manusia dilahirkan dengan pelbagai warna kulit, jantina, bahasa, budaya dan warganegara yang berbeza, namun tetap mempunyai hak-hak tersebut (Habib Shulton Asnawi, 2012). Tambahan pula, Allah telah mengurniakan anugerah dan nikmat yang berikan kepada manusia iaitu akal fikiran. Hal ini kerana dengan akal fikiran itu memberikan kelebihan dan kebolehan kepada manusia untuk berfikir baik dan buruk sesuatu perkara. Malah, manusia juga mempunyai kebebasan untuk memilih kepercayaan masing-masing. Islam juga tidak memaksa pengikut bukan beragama Islam untuk memeluk agama Islam. Namun, dalam novel ini memperlihatkan sisi yang berbeza iaitu peristiwa Amrit yang ingin memeluk Islam. Keadaan ini menjadi gambaran yang jelas tentang kebebasan beragama. Perhatikan petikan teks yang berikut:

**“Jika Amrit benar-benar memahami ayat- ayat ini, uncle dan auntie tak menghadapi masalah”** kata Zaman. **Kasih sayangnya tak berubah. Dia mesti taat dan kasih kepada ibu bapanya, kerana begitu hukumannya.** Cuma kita tak tahu bila dia masuk Islam? Sebab orang baru masuk Islam mesti mengucapkan syahadah di hadapan saksi, mesti mendaftarkan namanya di pejabat agama. (DMAIB: 439)

Penelitian terhadap petikan teks ini dapat membuktikan bahawa wujudnya persamaan hak asasi manusia walaupun berbeza agama. Dalam hal ini, ibu bapa kepada Amrit gusar sekiranya anak mereka memeluk agama Islam. Lantaran itu, Zaman telah menerangkan kepada ibu bapa Amrit bahawa Amrit tetap anak mereka walaupun Amrit beragama Islam kelak. Malah, hubungan antara ibu bapa dan anak masih sama dan Islam bukannya agama yang kejam untuk memisahkan anak dan ibu bapa yang berbeza agama. Malah, Islam juga menuntut agar anak berbuat baik dan taat kepada ibu bapanya walaupun berbeza agama. Oleh kerana itulah, dalam Islam hak asasi manusia hendaklah dibina berdasarkan tanggungjawab manusia sebagai hamba-Nya yang berpegang pada hukum syarak. Hukum syarak yang diturunkan oleh Allah adalah untuk melindungi unsur kerohanian dan fizikal manusia. Hak asasi manusia hendaklah berdasarkan kepentingan manusia seperti hidup dan bebas dari penyeksaan, memiliki kehidupan yang sempurna dan hak terhadap alam yang bersih (Mohd Hisham Mohd Kamal, 2017).

Begitu juga dengan pandangan Mohd Fauzi Hamat (2007) yang berpendapat bahawa manusia adalah makhluk yang dijadikan Allah sebaik-baik kejadian dengan dilengkapkan anggota badan fizikal dan batin seperti jiwa dan perasaan. Manusia tidak memiliki hak kebebasan yang mutlak kerana manusia perlu patuh kepada peraturan Islam. Islam juga adalah agama yang datang dari Allah turut mengakui bahawa manusia mempunyai sejumlah hak asasi yang perlu dihormati.

## **Keadilan dalam Hubungan Kemasyarakatan**

Istilah keadilan berasal dari akar kata ‘*adalah*’ yang mempunyai banyak makna. Antaranya bermaksud lurus iaitu lurus kepada sesuatu kebenaran tanpa mencampur adukkannya dengan hawa nafsu. Adil juga bermaksud menyamakan sesuatu dengan yang lain. Dari sudut istilah perkataan adil bererti memenuhi hak secara sepenuhnya (Ghazali Mohd Ros dan Shaiful Bahri Md. Radzi, 2019). Ajaran Islam amat menekankan konsep keadilan dalam masyarakat. Konsep

keadilan dalam kehidupan masyarakat dapat mewujudkan suasana yang lebih harmoni dan aman. Malah, konsep keadilan juga dapat menjadikan masyarakat lebih bersatu padu dan saling menghormati antara sesama manusia. Menurut Mohamad Zarifi Haji Mohamad Daud dan Taqwa Zabidi (2009) keadilan dalam konteks sesama manusia bergantung kepada prinsip memberikan hak yang sewajarnya kepada setiap manusia. Keadilan perlu diberikan kepada semua pihak tanpa mengira gama, bangsa, warna kulit dan bahasa. Uniknya keadilan dalam Islam meliputi semua golongan tanpa mebeza-bezakan mereka dan menggambarkan cara Islam mengaplikasi konsep adil.

Keadilan juga sering dikaitkan dengan hak individu dan hak masyarakat. Kaitan keadilan dengan hak bermaksud memberikan hak kepada individu dan masyarakat dengan adil, keadilan dalam katannya dengan hak boleh difahami sebagai memberikan hak kepada mereka yang berhak dan meletakkan sesuatu kena pada tempatnya (Yus'aiman Jusoh @ Yusoff, 2018). Keadilan juga berlangsung dalam proses pemilihan pemimpin dalam menentukan individu yang layak menerajui kepimpinan. Hal ini memerlukan ketelusan agar tidak menyenggung manapun pihak yang akhirnya akan menggugat hubungan baik sebelumnya. Perkara ini selari dengan pandangan Yus'aiman Jusoh @ Yusoff (2018) yang berpendapat bahawa kepentingan keadilan dalam kehidupan manusia membawa kepada konsep keadilan sosial (*al-adalah al-ijtima'iyah*). Gagasan ini sangat penting dalam kehidupan komuniti kerana penegakan keadilan akan menjamin keharmonian dan kesejahteraan. Manusia mesti diberikan haknya dengan adil. Hubungan sosial yang damai dan sejahtera hanya akan dapat dinikmati apabila keadilan ditegakkan.

Keadaan ini dapat diperhalusi menerusi novel ini yang diketengahkan oleh Abdullah Hussain dalam memaparkan keadilan dalam masyarakat melalui peristiwa pelantikan jawatankuasa masjid untuk memimpin remaja pengikut 'nihilisme' yang telah menyerah diri. Berikut adalah contoh petikan teks:

Sebuah jawatankuasa bertindak bagi **menangani anak-anak itu** diketuai oleh Haji Ismail ditubuhkan. Waktu pencalonan diadakan, nama Haji Amran ikut disebut-sebut sebagai ketua yang membuat dia berasa teruja dan berharap akan dipilih kerana dia suka bergaul dengan anak-anak muda. Oleh sebab kedua-dua calon favourite, maka **undi sulit diadakan. Keputusannya Haji Ismail terpilih dengan suara terbanyak...**

(DMAIB: 304)

Pemerhatian terhadap petikan teks mendapati bahawa wujudnya konsep keadilan dalam masyarakat dalam pemilihan jawatankuasa sebagai pemimpin dalam menangani anak-anak yang terlibat dalam kumpulan nihilisme. Hal ini jelas apabila semua pihak diberikan hak dalam mengundi calon yang sesuai dilantik sebagai pemimpin dalam jawatankuasa. Keadaan ini membuktikan bahawa wujudnya keadilan sesama manusia. Selain itu, pemilihan secara undian ini juga dapat menghindarkan daripada nerlakunya kepincangan dalam jawatankuasa tersebut. Masyarakat mempunyai hak dalam melantik pemimpin secara adil dan saksama. Dalam hal ini, Ahmad Zaki Brahim @ Ibrahim (2004) menjelaskan bahawa nilai keadilan tidak terbatas kepada suatu pihak sahaja dalam sesuatu isu, tetapi turut melibatkan dua pihak atau lebih. Keadilan dikira berlaku apabila semua pihak memperolehi haknya yang benar. Apabila semua pihak yang terlibat dengan hak tersebut memperolehi hak masing-masing, maka berlakulah keadilan, jika tidak, kezaliman dan kepincangan akan berlaku.

## **Nilai Persaudaraan Dalam Islam**

Ajaran agama Islam mengajak manusia untuk menjadi manusia yang berperilaku baik dan positif. Hal ini kerana tingkah laku positif bagi setiap manusia menggambarkan ketakwaan dan keimanan kepada Allah. Manusia perlu berhubung dengan baik antara satu sama lain. Ini akan menjelaskan hubungan persaudaraan sesama Islam. Agama Islam merupakan agama persaudaraan dan perpaduan iaitu agama yang bertindak, berfikir dan bekerja secara sepadu dan sepakat (Khalim Zainal dan Wan Zulkifli Wan Hassan, 2009). Sehubungan itu, sebagai seorang pemimpin dalam sesebuah komuniti memerlukan seseorang pemimpin yang memiliki nilai persaudaraan. Hal ini kerana nilai persaudaraan yang ditonjolkan oleh pemimpin tersebut menggambarkan bahawa dirinya memiliki sifat mengambil berat dan berkasih sayang. Dalam hal ini, Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (2004) menjelaskan bahawa kepimpinan Islam mengajak manusia ke arah persaudaraan yang erat, padu dan melarang sebarang perpecahan dalam masyarakat. Seseorang pemimpin itu juga dengan bersungguh-sungguh akan mengajak masyarakat bersatu padu di bawah satu akidah. Hal ini jelas dapat dilihat melalui keprihatinan pemimpin jawatankuasa di masjid Golden Triangle membantu mengembalikan mereka ke jalan yang benar. Perhatikan contoh petikan teks berikut:

“Siti Nur Aisyah mencadangkan supaya mereka diberikan **tempat tinggal di asrama**. Haji Amran menyokong dengan tambahan mereka itu mesti diberi **pembelajaran agama yang benar-benar intensif, mengikis keluar semua ajaran sesat dari jasmani dan rohani** sebelum diserahkan mereka kembali kepada keluarga masing-masing. Tugas ini diserahkan kepada Haji Ismail yang sudah “ustaz” dalam pemulihan akhlak.

(DMAIB: 151)

Berdasarkan petikan tersebut didapati bahawa watak Siti Nur Aisyah dan Haji Amran memiliki nilai persaudaraan yang tinggi. Hal ini dapat dibuktikan menerusi tingkah laku positif mereka yang berusaha untuk membantu anak-anak bekas kumpulan nihilisme yang jauh terpesong dari agama. Bantuan dan pertolongan tersebut telah memperlihatkan bahawa wujudnya sifat mengambil berat akan keadaan mereka yang memerlukan bantuan keperluan seperti tempat tinggal dan bantuan pembelajaran ilmu agama. Menurut Khalim Zainal dan Wan Zulkifli Wan Hassan (2009) dalam persaudaraan Islam, jika ada masyarakat yang memerlukan bantuan atau pertolongan maka menjadi tanggungjawab untuk membantu mereka. Malah, persaudaraan juga menuntut manusia menjadi manusia yang jujur dan ikhlas. Hal ini kerana seseorang individu itu akan mengasihi saudara seagama sebagaimana mengasihi dirinya sendiri. Persaudaraan Islam juga dapat membentuk rasa kasih sayang, kemesraan dan saling bantu membantu. Apabila perasaan ini sebatی dalam jiwa umat Islam, masyarakat Islam akan menjadi lebih sempurna dan kukuh serta dapat menyumbangkan pembangunan aqidah dan syariah dari semasa ke semasa (Siti Norlina Muhamad et. al., 2004).

Selain itu, persaudaraan Islam juga bertujuan untuk menjalinkan dan mengeratkan hubungan persahabatan sesama Islam tanpa mengira keturunan, tempat tinggal dan warna kulit akhirnya dapat membentuk satu masyarakat Islam yang kukuh. Kenyataan ini selari dengan pandangan Khalim Zainal dan Wan Zulkifli Wan Hassan (2009) yang turut berpendapat bahawa persaudaraan yang sebenarnya ialah perhubungan sesama manusia secara berterusan dan mengekalkan persaudaraan itu tanpa mengira warna kulit, keturunan, kekayaan dan bangsa. Oleh kerana itulah, persaudaraan membawa kepada perpaduan dan perpaduan akan membawa kepada ketahanan negara (Siti Norlina Muhamad et. al., 2004). Gambaran ini disampaikan oleh

Abdullah Hussain melalui penglibatan bangsa lain dalam komuniti di Golden Triangle. Berikut merupakan contoh petikan teks:

“Di tempat makan itu ada **seorang gadis Cina** yang ikut makan bersama-sama. Dia memakai jubah kain *denim* dan tutup kepala yang kemudian Zaman ketahui namanya Kathy, menjadi **pekerja sukarela mengajar matematik** kepada anak-anak itu pada kelas malam dua kali seminggu. Pekerjaan tetapnya ialah sebagai seorang eksekutif di sebuah syarikat swasta.”  
(DMAIB: 156)

Walaupun Kathy bukan beragama Islam dan berbangsa Cina namun, Kathy turut menjadi sukarela dalam mengajar matematik kepada anak-anak bekas kumpulan nahlisme. Hal ini dapat membuktikan bahawa wujudnya nilai persaudaraan walaupun berbeza agama dan bangsa. Menurut Siti Norlina Muhamad et. al. (2004) Islam juga menganjurkan umatnya dalam menjalankan persahabatan dengan orang bukan Islam. Keadaan ini dapat mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni dan negara yang stabil, keseimbangan antara dua hubungan ini perlu dititikberatkan. Hubungan persaudaraan di antara orang Islam dengan bukan Islam adalah didasarkan pada asal usul kejadian manusia serta hak-hak kejiranan bukan atas dasar keturunan atau kaum kerabat. Allah SWT juga menyeru umatnya agar memberikan kebaikan dan keadilan kepada mereka yang bukan beragama Islam (Latifah Abdul Majid dan Mohd Nasir Abdul Majid, 2018).

### **Penyelesaian Masalah**

Manusia tidak akan lari dari menghadapi masalah yang timbul dan perlu ditangani dengan menggunakan pelbagai teknik cara. Menurut Mumtazah Othman dan Husna Sulaiman (2008) setiap hidupan akan berhadapan dengan pelbagai masalah tidak kira masalah yang kecil atau besar. Ada kalanya masalah yang dihadapi mudah untuk diselesaikan dan begitu sebaliknya. Masalah yang dihadapi itu perlu diambil tindakan, penyelesaian atau membuat keputusan. Tambahnya lagi, dalam menyelesaikan masalah secara berkesan memerlukan pengetahuan dan kemahiran tertentu. Pengetahuan tentang pengertian masalah, konsep dan faktor yang mempengaruhi serta langkah dalam menangani masalah.

Keadaan ini turut diapaparkan melalui novel *Dan Malam Apabila Ia Berlalu* yang menonjolkan hubungan dengan manusia dalam menyelesaikan masalah kaum Hawa di masjid. Abdullah Hussain telah menampilkan watak Dr. Sabariah dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Dr. Nuraihan dari aktivis wanita Pergerakan Wanita Islam sebagai penceramah dalam majlis forum. Perbincangan tersebut berlaku dalam suasana yang tertib dan tenang dalam masjid di samping adanya sesi soal-jawab dengan membawa fakta yang konkret dan ayat-ayat al-Quran yang sahih. Perhatikan petikan teks berikut:

Dr.Nurihan mengangkat kepalanya kemudian tunduk semula. “Pada bahagian lain Ustaz Dr. Abdul Hyei menulis, ‘Allah berfirman kepada isteri yang membawa maksud:

*Isteri menanggung kewajipan terhadap suaminya yang wajib dilaksanakan dengan cara yang baik, suami juga dikehendaki melakukan kewajipan yang serupa (al-Baqarah 2:228).*

Ini bermakna suami isteri sama-sama mempunyai tanggungjawab terhadap satu sama lain.

Saya harap tulisan Ustaz Dr. Abdul Hyei itu sudah cukup jelas tentang **masalah fatwa tersebut bagi menghapuskan kekeliruan saudari yang bertanya.”** (DMAIB:280)

Setiap masalah yang timbul memerlukan seseorang dalam menyelesaikan masalah tersebut. Keadaan ini dapat diperlihatkan menerusi watak Dr. Nurihan yang berusaha dalam menyelesaikan masalah yang diutarakan oleh penanya soalan mengenai kewajipan dan tanggungjawab dan suami. Dr. Nurihan telah membuat keputusan dengan merujuk kepada penulisan Ustaz Dr. Abdul Hyei dalam menyelesaikan permasalahan tersebut. Dalam hal ini, Dr. Nurihan telah bertindak membuat keputusan setelah diutarakan masalah tersebut. Menurut Adair (2009) seseorang individu perlu memupuk tahap kecepatan dalam menyelesaikan masalah iaitu menyedari masalah untuk membuat keputusan dan perlu berusaha dalam menganalisis dalam menentukan dengan jelas masalah tersebut dan membuat keputusan. Hal ini jelas apabila Dr. Nurihan telah membuat keputusan dengan menjawab persoalan yang diutarakan itu dengan fakta, rujukan dan disertakan dengan ayat al-Quran.

### **Adab dan Kesopanan dalam Islam**

Adab bererti perlakuan atau tingkah laku yang baik yang diamalkan dalam kehidupan seorang dana adab dalam Islam dirujuk dari dua sumber, iaitu Al-Quran dan Sunnah. Melalui novel *Dan Malam Apabila Ia Berlalu*, Abdullah Hussain telah mengutarakan beberapa adab Islam dalam memelihara hubungan manusia dengan manusia.

#### ***Memuliakan Tetamu***

Daripada Abu Hurairah RA katanya Rasulullah SAW bersabda, “Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat maka hendaklah ia memuliakan tetamu yang datang menziarahinya serta mengeratkan silaturrahim dengan semangat persaudaraan Islam. Sesiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, hendaklah bercakap dengan perkataan yang baik dan manis didengar, atau pun berdiam sahaja dari bercakap perkara yang sia-sia.”

(Hadith Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Berdasarkan hadis tersebut mereka yang memuliakan tetamu dan bergaul dengannya akan disayangi oleh Allah dan Rasul. Malah, anatara kesempurnaan iman ialah memuliakan tetamu kerana mengharapkan ganjaran dari Allah SWT (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015). Konsep memuliakan tetamu ini turut digariskan dalam ajaran agama Islam. Agama Islam amat menitikberatkan dalam memuliakan tetamu. Hal ini kerana tetamu yang berkunjung itu turut membawa rezeki kepada tuan rumah. Menurut Hamzah Omar dan Fatin Farihan Mohd Salleh (2018) orang yang bergelar tetamu ini sangat hebat kerana mereka dipandang mulia disisi Allah SWT. Allah SWT memuliakan tetamu setinggi ini agar umat Islam memuliakan tetamu dengan baik seiring dengan keimanan mereka terhadap Allah SWT dan hari akhirat. Ini adalah kerana tetamu yang datang menziarahi mempunyai tujuan dan maksud yang tertentu dengan pihak tuan rumah. Umat Islam wajib melayan tetamu dan memenuhi keperluannya paling kurang satu hari

satu malam dan paling lama tiga hari tiga malam. Keadaan ini dapat diperhalusi menerusi petikan teks yang berikut:

‘Pemuda bertiga itu ditempatkan dalam asrama. Zaman diberikan sebuah apartmen di tingkat dua yang menghadap masjid. Apartmen yang berpenyamanan udara itu mempunyai dua buah bilik tidur, sebuah ruang tamu lengkap dengan televisyen, sebuah ruang dapur lengkap dengan elektrik, peti sejuk, cerek, periuk belanga dan pinggan – mangkuk. Di atas tempat tidur terletak satu pasang baju Melayu berwarna jingga dengan sehelai kain sarung samarinda berwarna coklat dan songkok, sepasang baju tidur dan sepasang capal.’

(DMAIB: 154)

Pemerhatian terhadap petikan teks jelas memperlihatkan pemuda bertiga dan Zaman yang merupakan tetamu telah diberikan layanan yang baik dengan menyediakan keperluan kepada mereka. Keadaan ini membuktikan bahawa tuan rumah telah memuliakan tetamu yang bertandang. Tetamu perlu dimuliakan dan diraikan dengan memberikan layanan yang istimewa, keselesaan dan kemudahan untuk mereka menyesuaikan diri dengan tempat yang dikunjungi. Sebagai tuan rumah, layanan sehabis baik harus diberikan kepada tetamu. Memuliakan tetamu merupakan satu kewajipan yang harus dilaksanakan. Merujuk Tafsir Al-Quran Al-‘Azim, Ibnu Kathir dalam tafsirnya menyatakan bahawa: “Imam Ahmad dan kebanyakan para ulama mengatakan wajib melayan tetamu yang datang bertandang ke rumah” (Utusan Online, 13 Ogos 2019).

### ***Menjaga Adab Makan***

Aktiviti makan dan minum merupakan hal penting bagi manusia yang setiap hari dilakukan secara berulang-ulang. Terkait adab makan dan minum merupakan kebiasaan alamiah dalam kehidupan yang bermanfaat bagi kelangsungan hidup manusia. Adab makan dan minum berlandaskan syarak ialah dengan menjaga kebersihan makanan dan minuman serta menjaga adab ketika makan dan minum (Sohrah, 2016). Abdullah Hussin turut mengetengahkan mengenai disiplin dan menjaga adab ketika makan. Agama Islam merupakan sebuah agama yang penuh dengan peraturan dan tatasusila. Malah, agama Islam turut menyarankan agar umatnya sentiasa menjadi adab dan tatasusila ketika melakukan sesuatu perkara begitu juga dengan adab ketika makan. Novel ini telah memaparkan mengenai adab ketika makan dengan tertib dan tidak membazir. Pengarang membuktikan dengan melihat dalam petikan di bawah:

‘Ya,’ ujar Siti Nur Aisyah. “Tiap-tiap masa mereka di ajar menghargai disiplin, kebersihan dan keindahan. Tidak berebut-rebut waktu makan, kerana kita mengetahui makanan itu satu ibu nafsu yang boleh mendorong manusia menjadi gelojoh. Sesudah makan nanti mereka bawa pinggan dan gelasnya ke tempat cuci. Sisa makanan di buang ke dalam tong sampah.

(DMAIB: 157)

Petikan tersebut jelas menunjukkan bahawa anak-anak telah dididik dengan berdisiplin dan beradab dalam menjaga kebersihan dan keindahan. Anak-anak itu juga telah diterapkan amalan yang baik dan tingkah laku beradab terutmanaya ketika makan. Ketika makan seharusnya dilakukan dengan beradab iaitu makan secara hemah, cermat, tidak membazir dan tidak gelojoh. Malah, mereka juga perlu membersihkan pinggan dan gelas serta membuang sisa makanan ke dalam tong sampah. Menurut Sohrah (2016) adab makan dan minum dalam perspektif syariat

jika difahami dari berbagai sudut dan analisis falsafah hukum Islam sangat penting bagi kehidupan manusia untuk diperaktikkan dalam kehidupan sehari-hari. Ajaran Islam terkait dengan etika makan dan minum tidak saja berimplikasi pada adab sopan santun yang patut dijaga, tetapi lebih dari itu iaitu menjaga dan memelihara kesihatan.

### **Saling Menghormati**

Pengarang juga turut menerapkan dalam membentuk peribadi anak-anak dan menjadikan pelajar sebagai sebahagian komuniti yang tahu menghargai dan menjaga hubungan sesama manusia lain. Menurut Noriati A. Rashid (2005) nilai menghormati orang lain kerap dikaitkan dengan sistem panggilan dan penggunaan ganti nama diri. Nilai menghormati orang yang lebih tua telah dipupuk sejak kecil. Ajaran agama Islam juga menuntut agar umatnya saling menghormati sesama manusia. Anak-anak juga perlu didik untuk menghormati orang yang lebih dewasa seperti ibu bapa dan guru. Berikut dipaparkan petikan teks yang berkaitan:

Di situ, di dewan itu sahaja melihat kenyataan betapa sifat-sifat terpuji telah tumbuh dalam diri anak-anak itu, **hormat mereka kepada orang dewasa**, tidak kira dengan guru, senior mereka ataupun tukang masak berlangsung secara normal tidak nampak dipaksa-paksa. Mereka berbaris dengan tertib, tidak berebut-rebut dan tidak bising.

(DMAIB: 159)

Berdasarkan petikan teks tersebut memaparkan sikap terpuji yang diperlihatkan menerusi watak anak-anak yang telah dididik dengan memiliki sifat-sifat yang terpuji seperti sifat menghormati. Penerapan sifat terpuji dalam diri mereka dapat menjadikan mereka sebagai anak-anak yang memiliki sifat terpuji dan beradab sopan. Dalam hal ini, Noriati A. Rashid (2005) menjelaskan bahawa percakapann dan perlakuan yang baik dan mengandungi tutur kata sempurna dan menyenangkan, penuh dengan sifat menghormati pihak lain merupakan insan yang berakhhlak mulia dan bersopan santun.

### **Senyuman sebagai Sedekah**

Islam amat mengalakkan manusia untuk bersedekah. Hal ini kerana sedekah dapat menyucikan harta dan menyucikan hati manusia. Sedekah terdapat dalam pelbagai bentuk sama ada sedekah wang ringgit bagi mereka yang berkemampuan. Bagi mereka yang tidak berkemampuan pula boleh bersedekah menggunakan tenaga mereka. Namun, bersedekah yang paling mudah adalah dengan senyum. Senyum itu satu sedekah. Sudah acapkali didengari malah amat mudah untuk dilaksanakan oleh umat manusia. Menurut Beni (2014) sedekah dalam konsep Islam mempunyai maksud yang luas tidak hanya terbatas pada pemberian sesuatu secara material kepada orang yang kurang berkemampuan tetapi lebih daripada itu, sedekah mencakupi perbuatan kenaikan baik bersifat fizikal atau bukan fizikal. Salah satu bentuk sedekah ialah senyuman kepada orang lain.

Dalam Islam senyuman adalah suatu sedekah kerana melalui senyuman dapat memberikan pelbagai impak dalam hubungan sesama manusia. Abdullah Hussain menyentuh perkara ini sebagai suntikan kesedaran kepada pembacanya tentang adab dalam senyuman yang merupakan salah satu fardhu kifayah. Berikut merukan contoh petikan teks:

...kesannya amat luar biasa. Dalam agama ia merupakan satu kedermawan seperti sedekah pahalanya amat besar seperti kita bercakap benar, menolong orang atau menunaikan janji...**Senyumlah** kepada orang yang kita kenal seperti kaum keluarga dan sahabat handai.

Kita boleh memberi senyuman kepada orang yang baru diperkenalkan kepada kita. Selalu bermuka manis juga sudah cukup kerana bermuka manis itu seperti senyuman juga...  
(DMAIB: 213)

Berdasarkan petikan teks tersebut memperlihatkan bahawa amalan senyuman merupakan satu sedekah dan pahalanya sama besar dengan bercakap benar, membantu orang lain dan menunaikan janji. Hal ini membuktikan bahawa senyuman merupakan satu sedekah yang mudah dan memberikan ganjaran pahala yang besar. Konsep sedekah adalah luas, bukan hanya tertumpu kepada pemberian wang ringgit atau harta benda. Setiap perkara atau perbuatan yang membawa dan memberi manfaat kepada orang lain juga adalah sedekah sekalipun sekadar senyuman. Yang penting ia perlu disertai dengan niat yang ikhlas tidak menunjuk-nunjuk kepada orang lain dan tidak mengungkit-ungkit pemberian itu (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan, 2017).

### ***Khusyuk dalam Sembahyang***

Abdullah Hussain menyentuh tentang adab dalam solat. Solat merupakan kewajipan yang perlu dilaksanakan bagi setiap umat Islam. Hubungan manusia dengan Allah mesti dijaga dan dibajai dengan tidak meninggalkan solat sehari lima waktu. Solat dapat mendekatkan diri manusia dengan Allah. Hal ini kerana manusia telah diperintahkan untuk melaksanakan solat. Tambahan pula, solat merupakan tiang agama. Solat juga perlu dilaksanakan dalam keadaan khusyuk. Khusyuk bermaksud sifat merendah diri dengan menumpukan fikiran dan perhatian sepenuhnya ketika menunaikan solat. Menurut Muhammad Saiful Anuar Yusoff et. al. (2018) dalam pelaksanaan ibadat solat, khusyuk amat diperlukan. Ia diibaratkan seperti roh bagi tubuh manusia. Khusyuk terbahagi kepada dua iaitu khusyuk hati dan khusyuk badan. Khusyuk hati merujuk kepada kehadiran hati seseorang yang sedang menunaikan solat secara fokus menghadap Allah dengan membawa cinta kepada-Nya, mengagungkan-Nya, takut terhadap seksa-Nya dan mengharapkan pahala dari-Nya sehingga merasa dekat dengan-Nya dan tenang hati serta penuh penghayatan dengan menghayati seluruh perkara yang diucapkan dan dilakukan dalam solat dari awal hingga akhir. Khusyuk badan pula seperti ketengen gerakan dalam solat, beradab dan tidak tergesa-gesa dalam mengucapkan zukur dan doa, ketundukan pandangan ke arah tempat sujud, tidak menoleh ke atas atau ke bawah yang menghilangkan khusyuk dan tidak disibukkan dengan gerakan yang sia-sia. Hal ini jelas ketara dapat diperlihatkan menerusi petikan teks yang berikut:

“Secara ringkas ada beberapa petua yang boleh saudara amalkan. Pertama sekali ketika mahu berdiri **mengerjakan solat** mestilah ingat bahawa pekerjaan saudara itu sedang diperhatikan oleh Allah subhanahu wa taala. Apa yang mesti saudara buat jika saudara sedang diperhatikan orang? Tentu saudara akan bekerja dengan hati-hati, cermat, tertib dan sabar. Saudara akan berasa malu atau segan kalau pekerjaan saudara itu salah. Satu perkara lagi, ini yang biasa diberitahu oleh guru-guru kita, supaya **memahami apa yang sedang kita baca, jadi fikiran kita tidak sempat menyeleweng ke tempat lain.** Tempat yang selalu kita diselewengkan ialah waktu membaca tahliyat, fikiran kita akan mengelana jauh dihanyutkan oleh syaitan sebab ditahiyat itulah kita akan naik saksi bahawa Allah itu Tuhan Yang Esa dan Nabi Muhammad s.a.w. hamba dan rasul Allah. Syaitan tidak suka. **Kita mesti melawannya dengan memusatkan konsentrasi pada jari**

**telunjuk simbol keesaan Allah sampai ke akhir bacaan. Insya-Allah saudara akan menang.”**  
(DMAIB: 219)

Islam menuntut umat manusia untuk menjalankan kewajipan mendirikan solat sebagai satu perintah Allah. Solat yang dilaksanakan pula menuntut manusia untuk khusyuk dalam solat. Apabila manusia khusyuk dalam solat menandakan bahawa dirinya berada dalam keadaan yang fokus dan memberikan tumpuan sepenuhnya dalam solat tanpa sebarang gangguan rasa hati dan was-was. Dalam hal ini, khusyuk dalam solat yang sempurna dapat mencegah diri individu daripada melakukan perkara yang keji dan mungkar. Khusyuk juga merupakan elemen penting dalam menyempurnakan solat yang berkualiti (Muhammad Saiful Anuar Yusoff et. al., 2018).

### **Kesimpulan**

Novel *Dan Malam, Apabila Ia Berlalu* telah mengemukakan banyak nilai murni melalui konsep keihsanan dan keinsanan. Pendekatan dakwah yang digunakan dalam kepengarangan Abdullah Hussin ini sangat berkesan kepada khalayak untuk menyampaikan mesej antara lainnya memahami perjalanan kehidupan persaudaraan sesama Islam, mengagumi masjid sebagai institusi ibadah dan seterusnya menyatukan masyarakat melalui urusan agamawi Islam yang syumul.

Didapati bahawa novel ini merupakan *sequel* kepada novel terdahulu Abdullah Hussain, iaitu novel *Masuk Ke Dalam Cahaya* yang turut memerihalkan berkenaan kemanusiaan dan keagamaan. Pengarang didapati menghantar perutusan yang hampir serupa, iaitu menjadikan sebuah komuniti masyarakat yang dilingkungi oleh golongan pelbagai bangsa tetapi dapat menjadikan Islam sebagai tunjang dalam beragama dan membina jaringan persaudaraan yang harmoni. Usaha Abdullah Hussain menterjemahkan karya bercorak dakwah bukan sekadar untuk golongan bangsanya semata-mata tetapi juga untuk bangsa lain. Hal inilah yang memperlihatkan karya Sasterawan Negara ini “molek” dan “manis” lantaran konsep dakwah dalam agama Islam tanpa mengenal sempadan bangsa, usia dan masa. Pengutaraan watak-watak bukan Melayu seperti Leong, Mei Lan, dan Sami yang terdapat dalam novel *Masuk Ke Dalam Cahaya*, turut dipersembahkan dalam novel *Dan Malam, Apabila Ia Berlalu* dengan watak Manjit, Amrit dan Baljit.

Pengarang juga didapati memperlihatkan peranan agama Islam sebagai agama yang holistik demi kesejahteraan manusia di atas muka bumi ini. Watak yang ditonjolkan dalam novel menggambarkan bahawa agama Islam dapat menyatukan persaudaraan dan mengukuhkan kasih sayang dalam kalangan manusia.

Novel *Dan Malam, Apabila Ia Berlalu* menunjukkan kesinambungan golongan beragama menjadi pertimbangan utama Abdullah Hussain berkarya dalam menghasilkan genre novel Islami. Didapati watak golongan beragama tersebut banyak memainkan peranannya dalam menyemarakkan Islam sebagai agama syumul dan unggul dalam novel ini. Oleh sebab kesan pengalaman Abdullah Hussain sebagai seorang wartawan dan penyelidik, tidak dapat tidak karya-karya yang ditanganinya memuatkan hasil “kewartawanan” dan “penyelidikan” yang menuntut kesabaran, ketelitian dan ketekunan yang bukan sedikit bagi khalayak pembaca untuk menelaahnya.

Novel *Dan Malam, Apabila Ia Berlalu*, karya Abdullah Hussain ini jelas memperlihatkan pembentukan insan yang dipertalikan dengan dua jalur hubungan, iaitu hubungan manusia dengan manusia (*habl min al-Nas*) dan hubungan manusia dengan Pencipta (*habl min Allah*).

Maka, dalam konteks ini, novel *Dan Malam, Apabila Ia Berlalu* berupaya menyumbangkan dua pertalian tersebut dalam usaha mengemukakan nilai *al-Haqq* (kebenaran), *al-Khayr* (kebaikan) dan *al-Jamal* (keindahan) dalam menggalurkan pengisahan menerusi plot, watak, konflik, latar, klimaks dan perutusan.

Secara keseluruhannya dapatlah dikatakan bahawa novel *Dan Malam, Apabila Ia Berlalu* telah mengungkapkan jalur perjalanan manusia supaya menghargai suasana “malam” atau menghayati falsafah yang terkandung dalam Surah al-Fajr (ayat 1 – 4) yang menyebut tentang “malam” bagi menuju “kesempurnaan” dalam kehidupan.

1. Demi waktu fajar; 2. Dan malam yang sepuluh (yang mempunyai kelebihan di sisi Allah); 3. Dan bilangan yang genap serta ganjil; 4. Dan malam, apabila ia berlalu;-

## Rujukan

- Ab. Aziz Yusof. (2007). *Keinsanan Dalam Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Adair, J. (2009). *Membuat Keputusan dan Strategi Menyelesaikan Masalah*. Terj. Amir Muslim. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. (2004). Tasawwur Kepimpinan Islam. *Ulum Islamiyyah*. 3(1): 3-34.
- Ahmad Zaki Brahim @ Ibrahim. (2004). Penerapan Nilai Keadilan dalam Bidang-bidang Utama Khidupan Masyarakat Bertamadun: Analisis Menurut Perspektif Al-Quran. *Jurnal Usuluddin*. 19: 61-92.
- Asmak Haji Ali Cik Hashim Mat Said. (2008). *Fungsi dan Peranan Masjid dalam Masyarakat Hadhari*. Seri Kembangan: Univision Press Sdn. Bhd.
- Barowi. (2016). *Ihsan Sebagai Puncak Ibadah; Studi Pemikiran Tasawuf Ibnu Qayim Al-Jauziyyah*. Jurnal Studi Hukum Islam, Vol. 3(2): 131-141.
- Beni. (2014). Sedekah dalam Perspektif Hadis. *Tesis Sarjana Teknologi Islam*. Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Chew Fong Peng. (2006). Pembentukan Negara Bangsa Melalui Pendidikan Sastera. *Jurnal Pengajian Melayu*, 15: 136-168.
- Ghazali Mohd Ros dan Shaiful Bahri Md. Radzi. (2019). Ketokohan Saidina Umar dalam Dunia Kesusastraan Melayu: Tiga Prinsip Keadilan Islam Menerusi *Hikayat Abu Syahmah*. *e-Bangi*. 16(5): 1-14.
- Habib Shulton Asnawi. (2012). Hak Asasi Manusia Islam dan Barat: Studi Kritik Hukum Pidana Islam dan Hukuman Mati. *Supremasi Hukum*. 1(1): 25-48.
- Hamzah Omar dan Fatin Farihan Mohd Salleh. (2018). Konsep Bertamu dalam Sunnah: Satu Tinjauan. E-Proceeding of 3<sup>rd</sup> INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith (IMAM 2018), 27 Disember 2018, KUIS, Kajang, Selangor.
- Hilman Latief dan Zezen Zaenal Mutaqin. (2015). *Islam dan Urusan Kemanusiaan Konflik, Perdamaian dan Filantropi*. Jakarta: PT Serambi Ilmu Semesta.
- Ismail Faruqi. (1982). Islamic Thought and Culture. Papers Presented to the Islamic Studies Group of American Academy of Religion. *Maryland: International Institute of Islamic Thought*.

- Izzaty Ulya Munirah, Ahmad Irdha Mokhtar, Zulkefli Aini. (2015). Ihsan dalam Pengurusan Organisasi Islam. *Prosiding Seminar Pengurusan Islam Ke Arah Pemantapan Ummah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan. (2017). Kehebatan Infaq. Khutbah Jumaat, 2 Jun 2017.
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan. (2017). Kita Semua Agen Dakwah. Khutbah Jumaat, 18 Ogos 2017.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, (2015). Memuliakan Tetamu. Diakses pada 1 September 2019 <http://www.islam.gov.my/e-hadith/159-memuliakan-tetamu>
- Khalim Zainal dan Wan Zulkifli Wan Hassan. (2009). Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar dalam Kalangan Pelajar Sekolah: Satu Kajian Kes. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 1(2): 1-14.
- Latifah Abdul Majid dan Mohd Nasir Abdul Majid. (2018). Persaudaraan dan Toleransi Antara Muslim dan Non Muslim dalam Islam. Bicara Dakwah 19 Rahmah Li al'Alamin: Dakwah dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia. 4 Oktober 2018. Masjid Sultan Zainal Abidin, Putrajaya.
- Mamluatul Inayah. (2015). Konsep Ihsan Sebagai Pendidikan Karakter Dalam Pemikiran Sachiko Murata dan William C Chittick. *Tesis Pascasarjana*. Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim, Malang.
- Mohd Adib Mohamad Salih. (2015). Kajian Pembinaan Laman Web Dakwah untuk Tekno Daie: Analisis Terhadap Model Penilaian Laman Web Dakwah di Malaysia. *Tesis Sarjana Sains*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mohd Fauzi Hamat. (2007). Hak Asasi Manusia Menurut Syarak. *Jurnal Penyelidikan Islam*. 20: 45-66.
- Mohd Hasrul Shuhairi dan Mohd Fauzi Hamat. (2015). Nilai-nilai Penting Individu Muslim Menurut Al-Ghazali. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri*. 9(1): 41-60.
- Mohd Hisham Mohd Kamal. (2017). Prinsip Hak Asasi Manusia Menurut Perspektif Undang-undang Antarabangsa dan Hukum Syarak: Suatu Perbandingan. *Kanun*. 26(1): 72-99.
- Mohamad Zarifi Haji Mohamad Daud dan Taqwa Zabidi. (2009). Petunjuk-petunjuk Keadilan Sosial. *Jurnal Penyelidikan Islam*. 22: 117-138.
- Mohammed Ralf Kroessin. (2008). *Concepts of Development in 'Islam'; A Review of Contemporary Literature and Practice*. United Kingdom: University of Birmingham.
- Muhammad Ali (1999). *Jati Diri Muslim*. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar.
- Muhammad Fuad Abdullah. (2004). Professionalism: The Islamic Perspective. *Jurutera*. Februari 2004: 9-11.
- Muhammad Saiful Anuar Yusoff, Azman Che Mat, Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Saad, Mohd Khairul Anuar Ismail & Zawiah Seman. (2018). Khusyuk dalam Melaksanakan Ibadah Solat: Peranannya dalam Mencegah Perkara Keji dan Mungkar. *E-Academia Journal*. 7 (1): 108-119.
- Mumtazah Othman dan Husna Sulaiman. (2008). *Penyelesaian Masalah Teknik dan Aplikasi*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Nadia Ishak dan Kamariah Kamaruddin. (2019). Aspek Dakwah dalam Novel *Suriati* Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu. *Malay Literature*. 32(1): 116-144.
- Nor Azlina Abd. Wahab, Norafifah Ab. Hamid dan Norajila Che Man. (2016). Pemerkasaan Peranan Masjid di Malaysia Era Kontemporeri. *E-Academia Journal*. 5(2): 219-239.
- Noriati A. Rashid. (2005). Nilai Kesantunan dalam Konteks Sosiobudaya Masyarakat Melayu. *Jurnal Pengajaran Melayu*. 15: 232-253.

- Noor Shakirah Mat Akhir, Muhammad Azizan Sabjan. (2014). Pembangunan Modal Insan dari Perspektif Kerohanian Agama: Islam Sebagai Fokus. *Journal of Human Capital Development*. 7(1): 33-47.
- Nurhidayah Marzuki@Yahaya. (2015). *Etika Kerja Islam dalam Pengurusan Insan*. Social Sciences Postgraduate International Seminar.
- Rosni Wazir dan Ishak Sulaiman. (2017). Analisis Konsep Ikhlas oleh Al-Taftazani di dalam Huraian Hadis 1 (Ikhlas) *Al-Arba'in Al-Nawawiyyah* dan Perbandingannya dengan Hikam Tok Pulai Manis. *Jurnal Pengajian Islam*. 10(1): 127-143.
- Sidek Baba. (2012). *Pengurusan Islami: Aplikasi Ihsan dan Insan*. Kuala Lumpur: Techknowlogic Trading Sdn Bhd.
- Sidi Gazalba (1984). *Asas Agama Islam: Perbahasan Ilmu dan Filsafat tentang Rukun Iman*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Siti Aisah Murad (peny.).(2008). *Penelitian Sejarah Kesusastraan Melayu Moden 1940-1969*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Norlina Muhamad, Ahmad Kilani Mohamed, Zulkifli Haron, Abdul Rahman, Siti Aisyah. (2004). Budaya Penyayang dalam Kehidupan Masyarakat Islam: Antara Teori dan Praktis. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi.
- Sohrah. (2016). Etika Makan dan Minum dalam Pandangan Syariah. *Al-Daulah*. 5(1): 21-41.
- Yus'aiman Jusoh @ Yusoff. (2018). Penegakan Keadilan Sebagai Teras Pembangunan Komuniti: Menganalisis Pesan Hamka dalam Karua Kreatifnya. E-Prostiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan (PASAK3 2018). 23-24 April 2018. Kolej Universiti Islam Antarabangsa, Selangor.
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan, (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*. Volume 1:115-140.
- Zaman, N. A. (2013). Towards an Authentic Islamic Development Model; Incorporating the Roles of Trust and Leadership in Islam-Iman-Ihsan Paradigm. *Durham Theses*, UK: Durham University.